

1. Asri _____ kepalanya tanda bersetuju dengan cadangan yang dinyatakan oleh ayahnya.

- ☐ A menggerak-gerakkan
- ☐ B memusing-musingkan
- ☐ C menggeleng-gelengkan
- ☐ D mengangguk-anggukkan

2. Azli mengutip _____ yang bertabur di atas lantai itu kerana berbahaya kepada adiknya jika tertelan.

- ☐ A jam-jam loceng
- ☐ B kad-kad manila
- ☐ C beg-beg tangan
- ☐ D wang-wang syiling

3. Dollah _____ cerita tentang Said dan Hamid sehingga timbul pertelingkahan antara mereka berdua.

- ☐ A melihat-lihat
- ☐ B mereka-reka
- ☐ C meronta-ronta
- ☐ D mengubah-ubah

4. Cara guru disiplin itu memandang saya _____ saya yang bersalah dalam hal ini.

- ☐ A sekonyong-konyong
- ☐ B semena-mena
- ☐ C semata-mata
- ☐ D seolah-olah

5. Ibu menyediakan sup _____ ikan untuk dihidangkan kepada tetamunya pada hari ini.

- ☐ A kekisi
- ☐ B bebola
- ☐ C rerama
- ☐ D dedaun

6. Penyanyi itu memperdengarkan lagu terbaharunya kepada para _____ semasa mempromosikan albumnya itu.

- ☐ A jejari
- ☐ B tetamu
- ☐ C bebalai
- ☐ D bebenang

7. Puan Anisah _____ fail yang merekodkan keuntungan syarikatnya bagi bulan September di atas mejanya.

- ☐ A ter cari-cari
- ☐ B terkejar-kejar
- ☐ C teringat-ingat
- ☐ D tertanya-tanya

8. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.




Pak Majid mengambil _____ yang dihulurkan oleh Leman kepadanya itu.

- ☐ A jejari
- ☐ B sesiku
- ☐ C tetupai
- ☐ D kekuda

9. Anugerah Sastera Negara merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan kerajaan kepada _____ tanah air.

- ☐ A wartawan-wartawan
- ☐ B usahawan-usahawan
- ☐ C sasterawan-sasterawan
- ☐ D pustakawan-pustakawan

10. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Lembu itu _____ untuk melepaskan diri apabila kakinya tersangkut pada kawat berduri semasa meragut rumput di padang.

- ☐ A merayu-rayu
- ☐ B meronta-ronta
- ☐ C meminta-minta
- ☐ D merayau-rayau

11. Rusdi _____ semasa mencari cacing di bawah rumahnya untuk dijadikan umpan.

- ☐ A terjerit-jerit
- ☐ B tertoleh-toleh
- ☐ C tercungap-cungap
- ☐ D terbongkok-bongkok

12. Encik Saiful mencari maklumat tentang _____ penternakan kelulut di Internet.

- ☐ A kata-kata
- ☐ B tanda-tanda
- ☐ C punca-punca
- ☐ D langkah-langkah

13. Orang ramai _____ membanjiri Stadium Shah Alam untuk menyaksikan pertandingan badminton.

- ☐ A berjela-jela
- ☐ B berjalan-jalan
- ☐ C berpuak-puak
- ☐ D berduyun-duyun

14. Selain ubat pemusnah yang khusus, _____ yang membiak di dalam kolam mandi dapat dihapuskan dengan menggunakan garam.

- ☐ A lelabi
- ☐ B kekura
- ☐ C jejentik
- ☐ D lelabah

15. _____ pada pangkin di bawah pokok mangga itu sudah patah.

- ☐ A Jejari
- ☐ B Kekisi
- ☐ C Kekuda
- ☐ D Lelangit

16. Mak Cik Gayah _____ apabila menyedari bahawa rantai lehernya telah hilang.

- ☐ A tersipu-sipu
- ☐ B terkinja-kinja
- ☐ C terpisat-pisat
- ☐ D terpinga-pinga

17. Saiful sentiasa mengingati _____ yang diberikan oleh ibu bapanya agar dia dapat menjadi insan yang berhemah tinggi.

- ☐ A nasihat-nasihat
- ☐ B laporan-laporan
- ☐ C cadangan-cadangan
- ☐ D pengumuman-pengumuman

18. _____ basikal Lee Keat yang patah itu sudah ditukar.

- ☐ A Bebenang
- ☐ B Tetupai
- ☐ C Sesiku
- ☐ D Jejari

19. Majlis perkahwinan selebriti terkenal yang diadakan secara _____ itu mendapat liputan meluas media massa.

- ☐ A mati-matian
- ☐ B buat-buatan
- ☐ C habis-habisan
- ☐ D besar-besaran

20. Orang ramai _____ ke Dataran Merdeka untuk menyaksikan perarakan sempena Hari Kebangsaan.

- ☐ A bergilir-gilir
- ☐ B bertubi-tubi
- ☐ C bertolak-tolak
- ☐ D berduyun-duyun